



Syariah 6/22  
Tarikh 20 Sept 2022  
Majlis Peguam Kod CPD: T3/15102022/PGB/PGB221221/6  
6 mata CPD

*Jawatankuasa Kecil Syariah membentangkan seminar yang bertajuk*  
**Beban Pembuktian Di Bawah Seksyen 53(1) Enakmen  
Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004**

*Daftar dalam talian di sini*

**Tarikh:** 15 Okt 2022 (Sabtu)

**Masa:** 9:00 pagi hingga 5:00 petang

**Tempat:** Dewan Seminar 1, Masjid At-Taqwa,  
Taman Bertam Indah, Kepala Batas, Pulau Pinang.

**Yuran Pendaftaran:**

Peguam/Peguam Syarie - RM 80-00

Pelatih dalam Kamar - RM 40-00

Orang Awam - RM 100-00



Semua bayaran hendaklah dibuat sebelum seminar. Pendaftaran hendaklah disertakan dengan bukti pembayaran untuk menjamin tempat anda. Tempat adalah terhad kepada 100 peserta sahaja dan pendaftaran adalah berdasarkan siapa cepat dia dapat.

Pendaftaran akan ditutup pada jam **5:00 petang, 13 Okt 2022 (Khamis)**. Pendaftaran lewat tidak akan diterima setelah tarikh tutup telah berlalu, atau sekiranya kehadiran seminar sudah penuh. Pembatalan hendaklah dibuat secara bertulis. Tiada bayaran balik untuk pembatalan yang dibuat selepas 15 Okt 2022 (Sabtu) tetapi penggantian dibenarkan.

Penganjur berhak untuk mengubah suai, membatalkan atau menangguhkan acara tersebut, sekiranya berlaku keadaan yang memerlukan tindakan sedemikian.

### **Topik-topik yang akan dibincangkan:**

- Pengenalan Seksyen 53 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004
- Alasan-alasan dan pembuktian di dalam tuntutan fasakh:
  - i. Nafkah
  - ii. Suami tidak diketahui keberadaan lebih dari 1 tahun
  - iii. Lazim menyakiti: Penderaan fizikal dan mental
  - iv. Apa-apa alasan yang dibenarkan syarak
- Beban Pembuktian di bawah Seksyen 53 (1) Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004

### **Penceramah:**



**Tuan Mohamad Zakian bin Dio** sedang berkhidmat sebagai Pengarah Kanan Kehakiman, Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia (JKSM) bermula dari Nov 2021. Beliau mempunyai pengalaman yang luas di dalam aspek Undang-Undang Syariah di Malaysia. Beliau memulakan perkhidmatan pada tahun 1998-2004 sebagai Hakim Mahkamah Rendah Syariah di Negeri Selangor dan kemudiannya berkhidmat sebagai Pegawai Sulh Mahkamah Syariah Kuala Lumpur pada tahun 2004-2006 sebelum menjadi Ketua Pendaftar Mahkamah Syariah Kuala Lumpur sehingga tahun 2010. Pada tahun 2010, beliau berkhidmat sebagai Pegawai Penyelidik Ketua Pengarah/Ketua Hakim Syarie Jabatan Kehakiman Syariah Malaysia selama 3 tahun sehingga tahun 2013. Beliau kemudiannya

menjawat jawatan sebagai Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Negeri Selangor bermula tahun 2014-2016 sebelum berkhidmat sebagai Pengarah Latihan Jabatan Kehakiman Syariah pada tahun 2017-2020. Seterusnya, beliau menyandang jawatan Timbalan Ketua Pendakwa Syarie 1, Jabatan Pendakwaan Syarie Wilayah Persekutuan sebelum menjawat jawatan terkini.

Sekiranya anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila e-melkan kepada kami di [secretariat@penangbar.org](mailto:secretariat@penangbar.org).

**Dikeluarkan oleh:**

**Mohd Azizan Mat Nayan & Robiaaton Adawiyah Safri**

**Pengerusi Bersama**

**Jawatankuasa Kecil Syariah**